

**PELAWAAN SUMBANGAN ARTIKEL UNTUK
PENERBITAN MALAYSIA MUSEUMS JOURNAL
VOL. 41 / 2024**

Malaysia Museums Journal merupakan jurnal berwasit separa akademik terbitan JMM dan diterbitkan setahun sekali. Penerbitan jurnal ini merupakan salah satu usaha berterusan JMM ke arah memartabatkan kecemerlangan ilmu permuziuman khususnya, selain sejarah dan budaya dalam bentuk penulisan untuk dikongsi bersama pembaca. Sumbangan artikel terbuka kepada semua warga muzium, penyelidik, pendidik, pelajar universiti serta institusi penyelidikan di seluruh negara. Manuskrip jurnal yang dihantar perlulah mempunyai liputan seperti di bawah;

- i. Bidang Permuziuman:
 - Koleksi
 - Konservasi
 - Keselamatan muzium
 - Alam semula jadi
 - Pengurusan muzium
 - Pendidikan dan pengembangan muzium
 - Pameran
- ii. Sejarah
- iii. Budaya

Syarat-syarat penyertaan:

- i. Artikel yang ditulis belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan sama ada di dalam atau di luar negara.
- ii. Artikel ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Format Penulisan

- i. Ditaip di atas kertas bersaiz A4 dengan jarak langkau satu (single spacing) menggunakan huruf *Times New Roman* bersaiz 12.
- ii. Ukuran artikel dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut :

Atas	:	2.54 cm / 1 inci
Bawah	:	2.54 cm / 1 inci
Kiri	:	2.54 cm / 1 inci
Kanan	:	2.54 cm / 1 inci
- iii. **Abstrak** tidak melebihi 120 perkataan serta **lima** kata kunci. **Saiz** huruf **10** dengan menggunakan format **italic**.
- iv. **Abstrak** hendaklah ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris**. Panjang artikel hendaklah antara **3000-5000 patah perkataan dan minimum 15 muka surat**.
- vi. Tajuk artikel dan nama penulis menggunakan huruf 12, saiz huruf nama institusi adalah 10 dan saiz huruf alamat e-mel 9 (**huruf besar, bold dan centered**).
- vii. Artikel mesti mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu Pengenalan, Pernyataan Masalah, Tujuan Kajian, Objektif Kajian, Kaedah/Metodologi, Dapatan Kajian, Perbincangan, Rumusan dan Lampiran (*jika ada*).
- viii. Artikel hendaklah dihantar dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy).
- ix. Artikel dalam bentuk salinan lembut (softcopy) hendaklah dihantar sebelum atau pada **30 April 2024** kepada e-mel **unitpenerbitan@jmm.gov.my**. Manakala artikel dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy) perlu dihantar kepada alamat berikut:

Sidang Editor
Malaysia Museums Journal
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur
(u.p: Raja Suriaty binti Raja Ahmed)

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi:

Raja Suriaty binti Raja Ahmed
Tel. : 03-2267 1000 (samb. 249)

Hamidah binti Mohd. Tahir
Tel. : 03-2267 1000 (samb. 104)